

**Kertas Bil. 85/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN  
NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU  
PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL  
OLEH KERAJAAN NEGERI**

---

**PENYATA**  
**JAWATANKUASA MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT)**  
**BERHUBUNG ISU PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL OLEH**  
**KERAJAAN NEGERI**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Ini adalah Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) (selepas ini disebut sebagai "Jawatankuasa").
- 1.2. Penyata ini akan membentangkan isu berkenaan pengambilalihan pengurusan sisa pepejal oleh Kerajaan Negeri.
- 1.3. Pembentangan Penyata ini bertujuan untuk mengemukakan syor dan cadangan-cadangan yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri berkenaan isu ini.

**2. AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

- 2.1. Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa ini:

a)	Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Pengerusi
b)	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (ADN Kawasan Kajang)	Ahli
c)	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
d)	Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru)	Ahli
e)	Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (ADN Kawasan Selat Klang)	Ahli
f)	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Ahli
g)	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (ADN Kawasan Kota Damansara)	Ahli

### **3. LATAR BELAKANG**

3.1. Jawatankuasa yang bermesyuarat pada 18 September 2015 (Bil. 9/2015) telah bersetuju untuk menjemput Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru bagi memberikan penerangan mengenai pengambilalihan pengurusan sisa pepejal oleh Kerajaan Negeri.

3.2. Ahli-ahli Jawatankuasa yang menghadiri pendengaran tertutup pada kali ini terdiri daripada Ahli Dewan Negeri berikut:

a)	Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Pengerusi
b)	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
c)	Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (ADN Kawasan Selat Klang)	Ahli
d)	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Ahli
e)	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (ADN Kawasan Kota Damansara)	Ahli

3.3. Turut hadir dalam taklimat tersebut adalah pegawai-pegawai berikut:

- a) Encik Jurasmadi bin Pauzi  
Penolong Setiausaha Dewan
- b) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha
- c) Encik Muhammad Khairil bin Khalid  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

- 3.4. Saksi yang dipanggil untuk memberikan keterangan adalah seperti berikut:

**Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru**

- a) Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah  
(ADN Kawasan Seri Kembangan)

**4. FAKTA DAN PENEMUAN**

**Keterangan Daripada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru**

- 4.1. Isu pengurusan sampah melibatkan dua perkara utama; pengurusan sampah domestik dan pembersihan awam. Seperti mana yang sedia maklum, Kerajaan negeri telah mengambil alih pengurusan sampah daripada Alam Flora pada 2012 dan meminta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menguruskan sendiri. PBT-PBT kemudiannya melantik kontraktor-kontraktor untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan melalui proses tender terbuka.
- 4.2. Sebelum tahun 2014, sistem tender terbuka mengguna pakai sistem harga terendah di mana kebanyakan kontraktor telah melantik sub kontraktor yang lain. Hal ini menyebabkan banyak kontraktor tidak dapat mematuhi spesifikasi yang ditetapkan selaras dengan kontrak yang telah ditandatangani bersama PBT.
- 4.3. Bagi Kerajaan Negeri, dalam hal berkaitan pelupusan sisa pepejal dan pembersihan awam, pembuangan sampah haram menjadi isu utama. Kerajaan juga mengambil maklum industri kontraktor bebas yang dilantik untuk melupuskan sisa-sisa pepejal terutama daripada sektor komersial dan perindustrian. Kontraktor-kontraktor ini tidak terikat dengan undang-undang kerana mereka tidak perlu untuk mendapatkan lesen dari mana-mana jabatan untuk beroperasi. Ini bermakna mereka tidak perlu untuk melupuskan sampah yang dikutip di tapak-tapak pelupusan sampah yang telah ditetapkan.
- 4.4. Kerajaan Negeri telah mendorong enakmen pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor untuk mengawal isu pelupusan sampah dan juga pelesenan kontraktor pelupusan sampah bebas supaya mereka dapat menguruskan dan melupuskan sisa-sisa pepejal di kawasan pelupusan yang telah ditetapkan.

Walaupun begitu, draf enakmen tersebut masih berada dalam semakan Kamar Peguam Negara.

- 4.5. Namun demikian, dalam jangka masa yang terdekat, pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan supaya peruntukan yang ada di dalam draf enakmen tersebut dapat dimasukkan ke dalam Undang-undang Kecil (UUK) PBT yang sedia ada supaya pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor dapat dikawal selia. Selain itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkuat UUK sedia ada supaya denda dapat dinaikkan bagi kesalahan-kesalahan membuang sampah haram.
- 4.6. Dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang lepas, Kerajaan Negeri telah berbincang untuk menyediakan satu hala tuju pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor. Secara dasarnya, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik beberapa buah syarikat sebagai ‘*Special Purpose Vehicle*’ atau SPV bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melalui tender terbuka.
- 4.7. Kerajaan Negeri secara dasarnya bercadang untuk membahagikan negeri Selangor kepada tiga (3) atau empat (4) buah zon di mana sebuah zon akan diuruskan oleh dua (2) atau tiga (3) buah syarikat kontraktor. Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa hanya syarikat yang berkelayakan dengan peralatan yang sesuai dan terkini dipilih.
- 4.8. Tatacara pelantikan kontraktor dan beberapa perkara teknikal yang berkait seperti spesifikasi kontrak dan sebagainya masih dalam peringkat perbincangan oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Namun demikian apa yang pasti adalah spesifikasi pelaksanaan kontrak pelupusan sampah dan pembersihan awam yang sedia ada akan ditingkatkan di mana ianya akan mengambil contoh spesifikasi Alam Flora.
- 4.9. Hal ini, setelah kiraan secara kasar oleh pihak UPEN akan melibatkan kenaikan kos sebanyak lima puluh peratus (50 %) daripada kos sedia ada. Tempoh kontrak juga akan dipanjangkan ke sekitar lima (5) hingga tujuh (7) tahun berbanding tempoh kontrak sedia ada yang pendek. Ini membolehkan syarikat kontraktor untuk melabur bagi penggunaan peralatan dan kelengkapan yang lebih canggih di samping memudahkan mereka untuk mendapatkan pinjaman kewangan.
- 4.10. Berkenaan isu kos, Jawatankuasa difahamkan bahawa Kerajaan Negeri akan menanggung jumlah perbezaan kos memandangkan ia akan melibatkan spesifikasi yang lebih tertinggi berbanding spesifikasi sedia ada. Walaupun

Kerajaan Persekutuan melalui Alam Flora menawarkan kaedah yang lebih kurang sama di mana jumlah perbezaan kos akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan bukan Kerajaan Negeri, perkara ini tidak diambil kira kerana ia hanya melibatkan pelantikan sebuah syarikat kontraktor dan ia akan menjadi masalah sekiranya berlaku situasi di mana kontrak tersebut perlu dibatalkan jika berlaku sebarang ketidakpatuhan di pihak syarikat kontraktor.

- 4.11. Bagi isu di Majlis Perbandaran Klang, Y.B. EXCO telah mengadakan perbincangan dengan UPEN untuk menyalurkan peruntukan khas untuk Klang bertujuan memperbaiki sistem pengurusan sampah di Klang yang agak kritikal. Namun demikian, Y.B. EXCO merasakan bahawa rakyat juga perlu bekerjasama dengan PBT supaya masalah ini dapat diatasi.
- 4.12. Y.B. EXCO juga berpendapat bahawa '*leadership*' sesebuah PBT amat penting di dalam memastikan transformasi pengurusan sisa pepejal dapat dijalankan dengan efektif. Sebagai contoh, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kajang (YDP MPKj) yang baharu telah mengambil langkah proaktif dengan menaikkan spesifikasi kontrak dan juga telah melakukan beberapa pembaharuan yang lain. Hasilnya, dalam masa setengah tahun Kajang telah menjadi lebih bersih dan aduan berkaitan pelupusan sisa pepejal telah berkurangan.
- 4.13. Jawatankuasa juga dimaklumkan berkaitan '*pilot project*' pengasingan sampah yang akan dijalankan bermula 28 September 2015 di beberapa buah PBT (Majlis Bandar raya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya).
- 4.14. Projek ini akan melibatkan sejumlah unit kediaman dan komersial di mana para penduduk perlu mengasingkan sampah biasa dan juga sampah yang boleh dikitar semula. Setiap minggu, para penduduk akan dibekalkan dengan plastik sampah lutsinar bagi tujuan pelupusan sisa yang boleh dikitar semula. Kutipan sampah biasa masih diteruskan sebanyak tiga (3) kali seminggu manakala sampah-sampah yang boleh dikitar semula akan dikutip sekali seminggu.
- 4.15. Selain itu juga, Kerajaan Negeri secara dasarnya telah bersetuju untuk memberikan setiap unit rumah atas tanah atau '*landed property*' sebuah tong sampah berkapasiti seratus dua puluh (120) liter secara berperingkat.

## **Penemuan**

- 4.16. Jawatankuasa mendapati bahawa perincian berkenaan tatacara pelantikan kontraktor dan beberapa perkara teknikal yang berkait masih belum diputuskan. Ini termasuklah isu melibatkan pembiayaan. Berdasarkan keterangan daripada Y.B. EXCO, kemungkinan pembiayaan bersama di antara PBT dan Kerajaan Negeri wujud.

## **5. SARANAN JAWATANKUASA**

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan supaya hanya ada satu pihak sama ada PBT atau Kerajaan Negeri yang akan menjadi pembiaya atau ‘*paymaster*’. Ini adalah kerana ‘*paymaster*’ tersebut hendaklah menjadi pihak yang akan bertanggungjawab untuk memantau prestasi, menerima aduan daripada penduduk dan wakil rakyat dan, jika perlu, menamatkan kontraktor tersebut. ‘*Paymaster*’ juga perlu bertanggungjawab ke atas segala masalah yang bakal timbul. Sekiranya Kerajaan Negeri mengambil alih tanggungjawab sebagai ‘*paymaster*’, Jawatankuasa merasakan adalah tidak wajar untuk mengharapkan pihak PBT menerima dan menyelesaikan segala aduan daripada pihak awam berkenaan pengurusan sisa pepejal.
- 5.2. Jawatankuasa juga menyarankan supaya kadar bon perkhidmatan yang lebih tinggi (kadar yang sama dengan fi perkhidmatan selama tiga (3) bulan, sebagai contoh) dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor yang bakal dilantik. Bon perkhidmatan yang tinggi sangat penting untuk memastikan kontraktor-kontraktor melakukan tugas mereka dengan cekap dan sempurna.
- 5.3. Merujuk kepada saranan 5.1., antara Kerajaan Negeri dan PBT, Jawatankuasa merasakan bahawa PBT perlu menjadi ‘*paymaster*’ tersebut bagi mengekalkan kawalan mereka terhadap kontraktor-kontraktor yang bakal dilantik.
- 5.4. Pihak UPEN perlu menyediakan satu spesifikasi minima yang perlu diikuti oleh pihak PBT. Spesifikasi minima tersebut juga perlu diselaraskan kepada semua PBT agar pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor adalah konsisten.
- 5.5. Sekiranya harga tender bagi kontrak baru tersebut adalah lebih tinggi daripada bajet-bajet yang lepas, perbezaan harga tersebut perlu dibiayai oleh Kerajaan Negeri terutama bagi PBT-PBT yang kurang berkemampuan.

- 5.6. PBT juga boleh menyediakan spesifikasi yang lebih tinggi daripada spesifikasi minimum yang telah ditetapkan sekiranya mereka mampu untuk melakukan sedemikian. Ini adalah kerana ia melibatkan kos yang lebih tinggi dan mereka perlu menanggung kos tambahan tersebut.
- 5.7. Jawatankuasa juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat menetapkan indeks prestasi utama atau 'KPI' yang perlu diikuti supaya prestasi kontraktor mencapai spesifikasi yang telah ditetapkan. KPI tersebut juga perlu menetapkan pada tahap mana kontraktor-kontraktor yang bermasalah perlu ditamatkan kontraknya. KPI ini perlulah ditetapkan dan dimaklumkan sebelum tender ditawarkan.

## 6. PENUTUP

- 6.1. Jawatankuasa ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pihak Berkua Tempatan yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
- 6.2. Jawatankuasa yakin segala saranan yang terkandung dalam penyata ini akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN.
- 6.3. Ahli Jawatankuasa PBT yang telah bermesyuarat pada **30 September 2015** telah meluluskan penyata ini. Sekian, terima kasih.

Bertarikh pada **1 Oktober 2015** di Shah Alam.



Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
Pengerusi  
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkua Tempatan (JP-PBT)